



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN TANAH MENDAP DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR – KARAK KM66.1

KUALA LUMPUR – YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya hari ini meninjau ke lokasi tanah mendap (sinkhole) berhampiran Plaza Tol Bentong di KM 66.1, Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak. Menerusi tinjauan di lokasi beliau memaklumkan laluan dijangka dibuka kepada pengguna jam 7.00 petang tertakluk kepada penilaian akhir pihak jurutera Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan ANIH Berhad.

Melalui laporan awalan pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), akibat daripada runtutan terowong 2 ECRL (Tunnel 2), tanah mendap (sinkhole) seluas 9.5 meter lebar x 10 meter Panjang x 4.3 meter telah berlaku di atas permukaan terowong iaitu di laluan arah timur Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak yang berada 13 meter di atas terowong tersebut. Berikutan itu pasukan ECRL seterusnya telah memaklumkan kepada pihak ANIH Berhad mengenai kejadian mendapan di KM66.1.

Pihak kontraktor telahpun mengambil tindakan dengan menimbus kawasan mendapan dengan konkrit sejak malam tadi. Kerja-kerja turapan akan dimulakan sejeurus selepas konkrit keras.

Bagi langkah pembaikan jangka panjang satu siasatan menyeluruh akan dilaksanakan Kementerian menerusi Agensi Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama pihak yang terlibat. Pemantauan berterusan turut dilaksanakan bagi mengesan jika ada pergerakan/kegagalan bawah tanah di lokasi kejadian.

Kejadian yang berlaku pada 25 Julai 2023 sekitar jam 8.30 malam di KM 66.1 arah Barat dan Timur, di antara Persimpangan Bentong Barat ke Persimpangan Bentong Timur telah menyebabkan penutupan kedua – dua arah lebuhraya berkenaan. Namun kejadian tidak membabitkan kemalangan jiwa.

Semua pengguna yang ingin ke Kuala Lumpur dari Kuantan, diarahkan keluar di persimpangan Bentong Timur dan masuk semula di persimpangan Bentong Barat. Manakala, pengguna dari Kuala Lumpur yang ingin ke Kuantan akan dilencongkan ke persimpangan Lingkaran Tengah Utama (LTU) yang dahulu dikenali sebagai Central Spine Road (CSR).

Kenderaan yang menggunakan LTU dari Pantai Timur boleh meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur. Bagi pengguna dari Kuala Lumpur menuju ke Gua Musang perlu keluar di persimpangan Bentong Barat dan masuk semula melalui persimpangan LTU Bentong.



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

Tinjauan turut disertai Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia dan YBhg. Dato' Nik Fauzi bin Tan Sri Nik Hussein, *Group Executive Chairman* ANIH Berhad.

Bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna, pasukan teknikal ANIH Berhad LPT Ronda dengan kerjasama anggota polis ditempatkan dilokasi bagi membantu mengarahkan kenderaan untuk menggunakan lencongan laluan alternatif yang disediakan. Pengguna lebuhraya dinasihati untuk mematuhi papan arah serta arahan petugas di lokasi.

Sila rujuk laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur untuk maklumat lebih lanjut, tepat dan terkini. Maklumat terkini juga boleh didapati dari Youtube @ANIH TV atau hubungi hotline LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700- 818-700.

AWAS!
TANAH MENDAP
DI KM 66.1

Dari Kuantan ke Kuala Lumpur keluar di persimpangan Bentong Timur, masuk semula di persimpangan Bentong Barat.

Dari Kuala Lumpur ke Kuantan dilencongan ke persimpangan Central Spine Road (CSR).

Petunjuk:

- ➡ Dari Kuala Lumpur ke Kuantan
- ➡ Dari Kuantan ke Kuala Lumpur

Pusingan 'U' untuk ke Kuantan

Pusingan 'U' ke Kuala Lumpur

Kawasan Lebuhraya yang ditutup

SILA GUNAKAN LALUAN ALTERNATIF DAN PATUHI ARAHAN PETUGAS DI LOKASI

KEMENTERIAN KERJA RAYA
26 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR.MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur